

SURAT KEPADA IBU BAPA

Ibu bapa/Penjaga:

Dengan hormatnya saya menulis kepada tuan/puan selaku ibu bapa kepada pelajar yang mempunyai daya akademik berpotensi yang akan menyertai kolej. Tujuan saya menulis adalah untuk mengemukakan maklumat terperinci tentang **Universiti Colorado Denver** kepada tuan/puan dan mempelawa tuan/puan dan anak tuan/puan untuk menelitinya secara lebih lanjut.

Universiti Colorado System ditubuhkan pada tahun 1876 iaitu pada ulang tahun ke-100 Deklarasi Kemerdekaan Amerika Syarikat dan pada tahun yang sama Colorado menjadi sebuah negeri. Dengan sejarahnya yang bermula semenjak tahun 1912, CU Denver telah ditubuhkan secara formal sebagai kampus sendiri pada tahun 1974 dan pada masa ini terdiri daripada dua buah kampus: Kampus Pusat Bandar Denver dan Kampus Perubatan Anschutz. CU Denver telah berkembang untuk meliputi 13 buah sekolah dan kolej, lebih 130 program ijazah, sebuah hospital akademik yang utama, dan lebih 90 pusat penyelidikan, institut, makmal dan klinik. CU Denver menarik lebih US\$420 juta geran kompetitif dan pembiayaan penyelidikan setiap tahun, dengan menerajui banyak bidang seperti memajukan rawatan kanser kepada mewujudkan infrastruktur bandar lestari. CU Denver juga memiliki satu-satunya sekolah Perubatan, Perubatan Pergigian dan Seni Bina di Colorado, serta menawarkan latihan bahasa Inggeris dan persiapan peperiksaan GRE melalui Akademi ESL dengan kurikulumnya direka khusus untuk pelajar universiti.



Tuan/puan mungkin berminat untuk mengetahui bahawa pemohon yang cemerlang akan dipertimbangkan untuk menerima Anugerah Sarjana Presiden yang kompetitif bernilai US\$20,000 selama 4 tahun (8 semester). Pemohon yang menunjukkan keingintahuan intelektual boleh memohon untuk Program Kepujian dan Kepimpinan Universiti (UHL) yang menawarkan minor kepujian dan banyak lagi program khusus yang lain. Penyelidikan peringkat ijazah digalakkan dan disokong melalui UHL dan program khusus yang lain di kampus. Melalui perpustakaan universiti dan katalog online bersama, pelajar boleh mengakses 15 koleksi khusus, 11 juta jilid dan 3.5 juta sumber elektronik. Bantuan teknikal juga disediakan kepada pelajar di stesen kerja dalam makmal komputer dan melalui Meja Bantuan Dalam Talian CU. Akses kepada portal universiti (UCDAccess) menghubungkan pelajar kepada Jaringan Sejagat (World Wide Web), khidmat e-mel, sumber perpustakaan, jadual kursus, gred, dan maklumat bayaran. Khidmat internet tanpa wayar juga disediakan dalam semua bangunan kampus.

Kampus kami terletak di dalam bandar Denver, Colorado dalam suatu suasana bandar yang sihat dengan berlatarbelakangkan keindahan Banjaran Rocky di tengah Amerika Syarikat. Denver ialah bandar yang dikenali sebagai bandar yang boleh huni dengan menawarkan aktiviti kesenian, kebudayaan, pasukan sukan utama, taman-taman, tahap keselamatan dan banyak lagi. Baru-baru ini, Denver dipilih sebagai 'America's Fittest City' dalam Majalah Newsweek. Denver juga menyediakan pelbagai peluang untuk latihan amali, kerja sukarela, dan pengalaman belajar di luar kelas dalam ekonomi bandar yang pesat berkembang.

Denver boleh dimasuki melalui penerbangan antarabangsa dan domestik yang terbang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Denver, dan perjalanan untuk ke kampus Universiti Colorado Denver pula mudah dengan menggunakan pengangkutan awam. Tuan/puan boleh mempelajari tentang program kami, kehidupan pelajar, dan aktiviti selanjutnya di <http://international.ucdenver.edu>.

Maklumkan kepada kami jika tuan/puan mempunyai sebarang soalan dengan menghubungi kami di application@ucdenver.edu. Kami berharap agar tuan/puan dan anak tuan/puan mempertimbangkan dengan serius apa yang dapat ditawarkan oleh Universiti Colorado Denver.

Yang ikhlas,

George F. Kacenga,
Pegawai, Pengurusan Pendaftaran Antarabangsa

International Admissions

internationaladmissions.ucdenver.edu

Email: application@ucdenver.edu

Phone: 303.315.2382 | Fax: 303.315.2389

Packages sent via express courier:

University of Colorado Denver

International Admissions

1050 17th Street, Suite A-300

Denver, CO 80204 U.S.A.

Packages sent via standard mail service:

University of Colorado Denver – IA

Campus Box A005/141

P.O. Box 173364

Denver, CO 80217-3364 U.S.A.

ESL (English as a Second Language) Academy

esl.ucdenver.edu

